

DAP: CEO Maybank baru digesa jelas persoalan pembelian BII
Malaysian Insider
Aug 3 , 2013
OLEH DIYANA IBRAHIM

Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bank terbesar negara Maybank, Datuk Abdul Farid Alias menggantikan Datuk Seri Abdul Wahid Omar yang kini memegang jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri diharap dapat segera menjelaskan status pembelian ekuiti saham Bank Antarabangsa Indonesia (BII), kata Tony Pua (gambar).

Setiausaha Publisiti DAP itu berharap CEO baru dapat menjawab keraguan rakyat berhubung pembelian saham sebanyak 5,065,380,000 dalam BII yang mewakili kira-kira 9% daripada modal saham kepada pelabur pihak ketiga seperti diumumkan pada Jun lalu.

"Persoalan mengenai pembelian saham telah ditimbulkan dimana Maybank tidak mendedahkan butiran pembelian seperti harga transaksi (urus beli) dan siapakan pihak ketiga yang menjadi pemegang saham," kata Pua dalam satu kenyataan hari ini.

"Bagi kita mengetahui berapakah peruntukkan untuk proses jual beli ini menentukan kerugian Maybank tentang pembelian tersebut yang mendapat kritikan hebat semua pihak ketika 2008," tambah beliau lagi.

Pada tahun 2008, pembelian BII dikatakan membabitkan kos sejumlah Rp 8.25 bilion bersamaan Rp 455 bagi satu lot saham.

Bagaimanapun pada akhir Januari 2012, Pengerusi Maybank Tan Sri Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor memberitahu pada media antarabangsa Reuters bahawa Maybank tidak akan melakukan urus niaga sekiranya ia hanya mendatangkan kerugian.

Tan Sri Megat Zaharuddin yang juga merupakan Presiden Pesuruhjaya BII berkata pihak bank tidak akan menjual ekuiti sekiranya ia dibawah Rp 510 iaitu harga yang perlu dibayar sebelum mendapat potongan untuk membeli saham itu pada 2008.

Pada 1 Julai 2013 The Edge mendedahkan dari sumber perbankan mendakwa sembilan peratus dari ekuiti pegangan saham dijual pada harga Rp355 dimana ia jelas menunjukkan 21.9% lebih rendah dari apa yang dikatakan sebelum ini.

Sembilan peratus dari ekuiti saham itu diterjemahkan dalam bentuk kerugian sebanyak RM 157 milion dan akan berteruskan sehingga RM 1,74 bilion.

Menurut Pua, situasi bertambah meruncing apabila harga saham BII yang diniagakan sejak dari lima tahun lepas tidak menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan.

Katanya lagi pada minggu lepas, BII ditutup dengan harga Rp 315 atau jatuh 30.7% dari harga pengambilalihan walaupun pasaran ekuiti global mencecah paras tertinggi rekod pada masa ini, tetapi Maybank sudah boleh mengira kerugian diatas kertas sebanyak RM2.5 bilion atas pengambilalihan BII. – 3 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-ceo-maybank-baru-digesa-jelas-persoalan-pembelian-bii>

